

**PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN
KEJOHANAN RENANG/TERJUN/POLO AIR
MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA**

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN:

- 1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang antarabangsa (WORLD AQUATICS) dan Peraturan-peraturan Am MSSPP.

2. JENIS PERTANDINGAN:

- 2.1 Kejohanan berpasukan bawah 18 tahun dan ke bawah bagi permainan Polo Air.
- 2.2 Kejohanan perseorangan bagi terjun
- 2.3 Kejohanan perseorangan dan berpasukan antara sekolah bagi Renang.

	ACARA	LELAKI			PEREMPUAN		
		18	15	12	18	15	12
1	GAYA BEBAS						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X	X	X	X	X
	400 M	TERBUKA			TERBUKA		
	800 M	TERBUKA			TERBUKA		
	1500 M	TERBUKA			TERBUKA		
2	GAYA LENTANG						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
3	GAYA DADA						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
4	GAYA KUPU-KUPU						
	50 M	X	X	X	X	X	X
	100 M	X	X	X	X	X	X
	200 M	X	X		X	X	
5	RAMPAIAN PERSEORANGAN						
	200 M	X	X	X	X	X	X
	400 M	TERBUKA			TERBUKA		
6	RAMPAIAN BERGANTI-GANTI						
	4 X 50 M			X			X
	4 X 100 M	X	X		X	X	
7	GAYA BEBAS BERGANTI-GANTI						
	4 X 50 M			X			X
	4 X 100 M	X	X		X	X	
	JUMLAH	15	15	12	15	15	12

	ACARA	18	15	12
8	CAMPURAN RAMPAIAN BERGANTI-GANTI			
	4 X 50 M			X
	4 X 100 M	X	X	
9	CAMPURAN GAYA BEBAS BERGANTI-GANTI			
	4 X 50 M			X
	4 X 100 M	X	X	
	JUMLAH	2	2	2

Jumlah Acara: 98 acara (90 acara mengikut kumpulan umur dan 8 acara terbuka)

(Acara renang yang akan dipertandingkan akan berubah dengan tertakluk kepada acara renang yang dipertandingkan di Pertandingan Akuatik MSSM)

3. PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

3.1 Renang

- 3.1.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar 3 (tiga) orang perenang sahaja bagi satu acara, termasuk acara terbuka.
- 3.1.2 Setiap perenang dibenarkan mengambil bahagian dalam 6 acara individu (tidak termasuk acara terbuka).
- 3.1.3 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar 1 (satu) pasukan sahaja bagi setiap acara berganti-ganti.
- 3.1.4 Acara campuran berganti-ganti terdiri daripada 2 (dua) orang perenang lelaki dan 2 (dua) orang perenang perempuan dari kumpulan umur yang sama.

3.2 Terjun

- 3.2.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar 3 (tiga) orang peserta sahaja untuk setiap acara.

3.3 Polo Air

- 3.3.1 Setiap sekolah dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 7 (tujuh) orang pemain dari sekolah yang sama.

4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Sila rujuk Peraturan Pertandingan untuk Polo Air.

- 4.2 Susunan acara Renang, Terjun dan Polo Air hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik Akuatik MSSPP.

- 4.2.1 Semua acara renang dijalankan secara 'time finals'.

- 4.2.2 Permulaan akan menggunakan 'one start rule'.

4.3 Terjun – Cara Pilihan

- 4.3.1 Untuk 12,15 dan 18 tahun dan ke bawah lelaki dan perempuan

SATU (1) METER PAPAN ANJAL

- 4.3.1.1 Untuk perempuan 1 meter Papan Anjal, pertandingan

- meliputi 5 terjunan.
- 4.3.2.2 Untuk lelaki 1 meter Papan Anjal, pertandingan meliputi 6 terjunan
- 4.3.2 Untuk 12,15 dan 18 tahun dan ke bawah lelaki dan perempuan
- TIGA (3) METER PAPAN ANJAL**
- 4.3.2.1 Untuk perempuan 3 meter Papan Anjal, pertandingan meliputi 5 terjunan.
- 4.3.2.2 Untuk lelaki 3 meter Papan Anjal, pertandingan meliputi 6 terjunan.
- 4.4 Acara Renang dan Terjun – Hanya acara-acara yang disertai oleh tiga (3) peserta dari tiga (3) buah sekolah dan lebih akan dijalankan oleh pihak pengelola.
- 4.5 Penggantian – Sebarang penggantian tidak dibenarkan selepas tarikh tutup dalam pertandingan
- 4.6 Acara Terbuka – Peserta-peserta dari kumpulan umur 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan menyertai acara-acara Terbuka.
- 4.7 Semua atlet hanya boleh bertanding mengikut kategori umur yang ditetapkan

5 CARA MEMBUAT KEPUTUSAN

- 5.1 Sila rujuk Undang-undang WORLD AQUATICS untuk Terjun.
- 5.2 Renang
- 5.2.1 Cara untuk memutuskan Johan Individu bagi setiap kumpulan umur adalah seperti berikut:
- 5.2.1.1

TEMPAT	MATA
Pertama	12
Kedua	8
Ketiga	4
Keempat	2
Kelima	1

- 5.2.1.2 Tambahan 4 mata akan diberikan kepada setiap perenang yang memecahkan rekod.
- 5.2.1.3 Mata yang diperoleh dalam acara terbuka tidak dikira untuk memutuskan Johan Individu
- 5.2.2 Cara untuk memutuskan perenang lelaki dan perempuan yang cemerlang adalah seperti berikut:
- 5.2.2.1 Perenang yang memecahkan rekod kejohanan yang terbanyak (Johan sahaja).
- 5.2.2.2 Perenang yang memecahkan rekod yang paling lama (lama kekal) jika dua atau lebih perenang memecahkan jumlah rekod yang sama (Johan sahaja).
- 5.2.2.3 Hadiah perenang cemerlang hanya akan diberikan

jika terdapat penaja untuk hadiah tersebut.

5.3 Polo Air

5.3.1 Dijalankan secara liga.

5.3.2 Menang – 3 mata
Kalah - 0 mata

5.3.3 Jika terdapat lebih satu pasukan mempunyai mata yang sama, pemenang akan ditentukan seperti berikut:

5.3.3.1 Pasukan yang mendapat jumlah perbezaan gol yang lebih akan dikira sebagai pemenang.

5.3.3.2 Jika seri, pasukan yang mendapat lebih jaringan gol akan dikira sebagai pemenang.

5.3.3.3 Jika seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira sebagai pemenang.

5.3.3.4 Jika seri, balingan penalti akan dijalankan.

5.3.3.5 Jika seri, balingan penalti secara 'sudden death' akan dijalankan.

5.3.4 Sistem balingan penalti

5.3.4.1 Setiap pasukan akan mengambil bahagian 5 balingan secara berselang-seli mengikut Undang-undang WORLD AQUATICS.

5.3.4.2 Jika seri, balingan akan diambil oleh pemain-pemain yang belum lagi melakukan balingan dan akan dijalankan secara 'sudden death'.

5.3.4.3 Pengadil akan menentukan gol yang akan digunakan untuk balingan penalti.

5.3.4.4 Undian akan dibuat untuk menentukan pasukan yang akan mula melakukan balingan.

5.3.4.5 Hanya seorang sahaja guru yang dibenarkan bertindak sebagai jurulatih dan berada di tepi kolam semasa pertandingan sedang berlangsung.

6. **PAKAIAN**

Sila rujuk Undang-undang WORLD AQUATICS.

7. **GELANGGANG / KOLAM / ALATAN**

7.1 Sila rujuk Undang-undang WORLD AQUATICS.

7.2 Tertakluk kepada fasiliti tempat pertandingan.

8. **ALATAN**

8.1 Sila rujuk Undang-undang WORLD AQUATICS.

8.2 Tertakluk kepada fasiliti tempat pertandingan.

9. **KELEWATAN**

9.1 Renang dan Terjun

9.1.1 Tiap-tiap peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta sebelum peserta dihantar ke "Call Room Two" atau tempat yang berdekatan dengan gari permulaan. Jika tidak, penyertaannya dalam acara tersebut akan dibatalkan.

- 9.1.2 Kelewatan menghantar borang untuk acara berganti-ganti akan menyebabkan penyertaan sekolah dalam acara tersebut dibatalkan.
- 9.1.3 Untuk acara berganti-ganti yang dijalankan sebelum waktu rehat tengah hari, borang acara berganti-ganti harus dihantar selewat-lewatnya sebelum 10 pagi pada hari yang sama.
- 9.1.4 Untuk acara berganti-ganti yang dijalankan selepas waktu rehat tengah hari, borang acara berganti-ganti harus dihantar selewat-lewatnya sebelum 12 tengah hari pada hari yang sama.
- 9.2 Polo Air
Pasukan yang lewat lebih daripada sepuluh (10) minit akan dikira kalah dan pasukan lawan akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 5 – 0.

10. MENARIK DIRI

- 10.1 Tidak ada pertukaran dan penarikan diri (scratching) dibenarkan selepas mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 10.2 Peserta yang gagal hadir diri dalam mana-mana acara dia didaftarkan selepas mesyuarat pengurus pasukan tidak dibenarkan untuk menyertai mana-mana acara seterusnya untuk hari tersebut.
- 10.3 Sekiranya peserta menarik diri atas sebab-sebab kesihatan, peserta berkenaan perlu mendapatkan sijil perubatan daripada pegawai perubatan yang bertauliah dan berdaftar untuk hari tersebut.

11. BANTAHAN

- 11.1 Bantahan bertulis yang ditandatangani oleh pengurus pasukan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Pengelola atau wakilnya tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi diumumkan dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS SAHAJA) bagi acara individu dan RM 300.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS SAHAJA) bagi acara berpasukan. Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tidak berasas.
- 11.2 Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan yang akan bersidang terdiri daripada:
 - a. Penyelaras Akuatik MSSPP
 - b. Pengerusi Teknik dan Pembangunan Sukan
 - c. 3 / 5 orang Pengurus Pasukan sekolah yang berdaftar dan tidak terlibat dengan bantahan / kes tersebut.

12. JURI RAYUAN

- Juri Rayuan hendaklah terdiri daripada 5 orang (minimum) atau 7 orang (maksimum). Keanggotaan Juri Rayuan yang akan berdidang terdiri daripada:
- a. Penyelaras Akuatik MSSPP
 - b. Pengerusi Teknik dan Pembangunan Sukan
 - c. 3 / 5 orang Pengrusu Pasukan sekolah yang berdaftar dan tidak terlibat dengan bantahan / kes tersebut.

Juri Rayuan hendaklah terdiri daripada 5 orang (minimum) atau 7 orang (maksimum).

Keanggotaan Juri Rayuan adalah seperti berikut:

- a. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola
- b. Pengurus Kejohanan
- c. Referi
- d. 4 orang Pengurus Pasukan MSSN yang berdaftar yang tidak terlibat dalam Jawatankuasa Bantahan
- e. Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Kejohanan (Tidak ada kuasa mengundi)

13. LEMBAGA TATATERTIB

Sila rujuk peraturan Am MSSPP (Bilangan 18)

14. PEMILIHAN KE MSSM

14.1 Peserta yang menang dalam pertandingan MSSPP tidak dijamin perwakilan ke MSSM.

15. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am MSSPP (Bilangan 25). Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am MSSPP dan Peraturan Kejohanan Akuatik MSSPP akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan keputusan adalah muktamad.

Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang-barang atau harta benda kepunyaan pegawai atau peserta di dalam kawasan kejohanan dan sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian semasa kejohanan berlangsung. Walau bagaimanapun, persediaan akan dibuat bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian seperti di atas.

DISEDIAKAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL AKUATIK MSSM